



**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4, Blok Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Presint 1, 62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

No. Tel: 03-8886 6221

E-mel: infomitra.jpm.gov.my

---

**JPM.MITRA.100-9/1/1 (7)**

**KENYATAAN MEDIA  
PENGUMUMAN STATUS PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM MITRA  
TAHUN 2023**

**PUTRAJAYA, 22 JULAI 2023** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah merancang program-program Inisiatif MITRA untuk tahun 2023. Program-program tersebut telah diumumkan dalam persidangan media yang diadakan pada bulan Mei/Jun 2023. Program-program tersebut memberi tumpuan kepada (i) Pendidikan dan Pengajian Tinggi (ii) Keusahawanan dan Kerjaya dan (iii) Kesejahteraan Sosial. Maklumat susulan untuk program-program tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Program Subsidi Bayaran Yuran Pengajian Ijazah Sarjana Muda bagi Pelajar India di Institusi Pengajian Tinggi.** Seramai 10,000 mahasiswa/mahasiswi dalam pengajian tahun kedua, ketiga atau tahun akhir pengajian Ijazah akan menerima bantuan subsidi bayaran yuran semester secara one-off bernilai RM2,000. Setakat ini MITRA telah menerima 5,000 permohonan dan jumlah ini dijangka akan meningkat dalam masa terdekat. Subsidi bayaran tersebut akan mula disalurkan kepada mahasiswa/mahasiswi secara berfasa mulai bulan Ogos 2023.

### **Pengajian Tinggi Swasta**

Selain itu **program subsidi bayaran yuran tersebut itu juga akan dibuka kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta** yang sedang belajar di tahun Ke-2, tahun Ke-3 atau tahun Akhir. Permohonan adalah secara *First Come First Serve* mengikut kelayakan yang telah ditetapkan. Dijangkakan bantuan subsidi ini dapat mengurangkan beban kewangan pelajar dan ibu bapa khususnya dalam memastikan pengajian tinggi tidak terganggu disebabkan masalah kewangan.

- ii. **Program Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta** yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). MITRA telah menandatangani dokumen perjanjian dengan kumpulan pertama seramai 42 pengurus tadika dengan bilangan seramai 1035 kanak-kanak pada 14 Julai 2023, Jumaat melibatkan penyaluran subsidi sebanyak RM2,484,000.00. Dokumen perjanjian untuk kumpulan kedua melibatkan 71 tadika dengan 2123 kanak-kanak dengan jumlah penyaluran sebanyak RM5,095,200.00 akan ditandatangani pada 27 Julai 2023, Khamis. Penyaluran subsidi akan bermula pada bulan Ogos 2023. Subsidi pendidikan akan dibayar terus kepada pengusaha-pengusaha tadika.
- iii. Program kerjasama antara **Mitra dengan Weststar Aviation Services Sdn. Bhd. (WASSB)** iaitu **Program Licensed Aircraft Maintenance Technicians- LAMT (CAAM Part 66 Category A1/A3)** di mana 100 orang belia India akan dilatih untuk menjadi Certified Technician dengan pensijilan dan lesen daripada Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) serta diberikan penempatan kerja apabila tamat latihan nanti. Permohonan untuk latihan tersebut akan dibuka mulai 26 Julai 2023. Permohonan adalah secara atas talian [www.mitrap.gov.my](http://www.mitrap.gov.my). Tempoh permohonan adalah selama sebulan dan tarikh tutup permohonan adalah 30 Ogos 2023.

iv. **Program Teknikal Drone Operations & Data Services (DRONE) dan Electrified Automation Advancement Programme (EAAP)** dengan kerjasama SG Education Group. Seramai 150 orang belia India akan menyertai program Teknikal Drone Operations & Data Services (DRONE) dan diberi pensijilan RCOC-B daripada Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) manakala 250 orang belia India B40 akan meyertai Program Electrified Automation Advancement Program (EAAP) dan diberi pensijilan daripada Institute of the Motor Industry (IMI) Tahap 2, UK, Siemens dan City & Guilds (Tahap 2). Program latihan dan pensijilan ini juga dilengkapi dengan penempatan kerja. Permohonan untuk latihan tersebut akan dibuka mulai 26 Julai 2023. Permohonan adalah secara atas talian [www.mitrap.gov.my](http://www.mitrap.gov.my). Tempoh permohonan adalah selama sebulan dan tarikh tutup permohonan adalah 30 Ogos 2023.

v. **Program Bantuan 6000 komputer riba** (refurbished) untuk makmal komputer Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dengan kerjasama Google Malaysia mensasarkan 527 sekolah SJKT. Pelaksanaan program ini akan bermula mulai bulan Ogos 2023.

vi. **Program subsidi bantuan dialisis** untuk masyarakat India mensasarkan 900 pesakit kronik buah pinggang yang akan menerima subsidi sehingga RM9600 untuk tempoh setahun. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama pusat-pusat dialisis yang sedia ada dan bayaran akan disalurkan terus ke pusat dialisis. Penyaluran subsidi akan bermula pada bulan Ogos 2023. Subsidi tersebut akan dibayar terus kepada pusat-pusat dialisis yang telah diluluskan.

JPM.MITRA.100-9/1/1 (7)

MITRA akan memastikan proses penyaluran akan dilaksanakan dengan terurus dan terancang. Untuk program penyaluran geran pula akan diumumkan dalam masa terdekat ini selepas segala proses pemilihan dimuktamadkan.

**YB. DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN  
AHLI PARLIMEN SUNGAI BULOH MERANGKAP  
PENGERUSI JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS KHAS (JPPK)  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**-TAMAT-**